



**ISTANA ISKANDARIAH  
KUALA KANGSAR**

**TITAH  
PERUTUSAN AIDILFITRI  
DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

**1 SYAWAL 1439/15 JUN 2018 (JUMAAT)**

**ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR!  
ALLAHU AKBAR WALILLAH ILHAM.**

Alhamdulillah, umat Islam di negara ini, dapat menyempurnakan ibadah puasa dalam suasana aman dan damai; menikmati pelbagai juadah berbuka dan bersahur, bersama keluarga di rumah, atau bersama ahli-ahli kariah di surau dan di masjid. Insafilah! akan nasib malang lebih enam puluh juta umat Islam, yang kini sedang berada di khemah-khemah pelarian di serata dunia, tanpa tempat berteduh yang sempurna, tanpa juadah berbuka dan bersahur semewah kita.

2. Setelah menempuh dugaan berpuasa, semoga kita ditingkatkan keinsafan akan besarnya nikmat ILAHI yang dianugerahkan kepada kita, berbanding penderitaan yang dialami oleh begitu ramai insan di dunia, hidup dalam kelaparan – dalam kehausan, kerana kesukaran mendapat makanan dan minuman.

3. Islam mensyariatkan ummah menyambut Aidilfitri; Kalimat *fitri* bermaksud *fitrah*, ia itu kejayaan manusia kembali kepada fitrah yang asal;



dilahirkan bersih daripada dosa dan noda; lalu ALLAH SUBHANAHU WATA'ALAmenganugerahkan satu hari istimewa yang dilimpahkan keriang.

4. Rasullullah Sallallahu Alaihi Wassalammenyeru, agar Aidilfitri dijadikan hari untuk bekerjasama, hari untuk mengeratkan perpaduan ummah. Baginda mengisytiharkan Aidilfitri sebagai hari kedamaian -hari kegembiraan - hari keriang. Sambutlah Aidilfitri dalam suasana gembira yang dapat mengeratkan silaturahim sesama anggota keluarga dan sanak saudara; sambutlah Aidilfitri dalam suasana riang yang dapat meningkatkan semangat perpaduan sesama insan.

5. Pamerkan sifat terbuka – sifat persahabatan – sifat perdamaian yang dianjurkan oleh Islam dengan membuka pintu rumah, menerima kunjungan tetamu daripada pelbagai agama dan pelbagai kaum, agar terpupuk semangat persaudaraan, rasa kasih sayang dan budaya saling menghormati sesama insan.Pancarkan sifat persaudaraan dan sifat kemanusiaan bersama fajar Aidilfitri.

6. Dalam keriang menyambut Aidilfitri, insaflah! di sekeliling kita terdapat golongan yang berada dalam kemiskinan;berkongsilah kemewahan rezeki yang ALLAH limpahkan kepada kita dengan membanyakkan amalan sedekah. Dalam keriang kita menyambut Aidilfitri, sama-sama kita hargai pengorbanan oleh pelbagai pihak menyediakan pelbagai perkhidmatan,untuk membolehkan Aidilfitri disambut dalam suasana aman, tenteram, riang dan



**ISTANA ISKANDARIAH**  
KUALA KANGSAR

meriah; anggota Pasukan Keselamatan, Polis dan Angkatan Tentera, anggota Bomba, kakitangan penjara, imigresen dan kastam; kakitangan hospital, sektor pengangkutan dan sektor perkhidmatan, begitu juga kakitangan media, radio dan televisyen. Kepada mereka dan anggota keluarga mereka, Beta dan Raja Permaisuri menzahirkan penghargaan. Semoga pengorbanan mereka diterima oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala, sebagai amal makruf yang dikurniakan keberkatan semasa berada di dunia, dilimpahkan rahmat keselesaan ketika berada di alam barzakh, dan diberatkan timbangan amal ketika berada di Padang Mahsyar.

7. Semoga rakyat Beta menyambut Aidilfitri dalam semangat bersyukur ke hadrat ILAHI. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, menurut yang diriwayatkan oleh Tabrani, Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam telah bersabda yang bermaksud:

*“Hiasilah Hari Raya kamu dengan takbir”*

Perbanyakkan bertakbir dan bertahmid tanda kesyukuran kepada ALLAH YANG MAHA BESAR.

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI  
ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR!  
ALLAHU AKBAR WALILLAH ILHAM.